

Penyampai : TAN SRI ABDUL HALIM BIN ALI
Tajuk : MAJLIS KONVOKESYEN INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN JABATAN TENAGA RAKYAT
Lokasi : CIAST SHAH ALAM SELANGOR
Tarikh : 31-07-1997

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput saya ke sesi kedua Majlis Konvokesyen Pelatih-Pelatih Jabatan Tenaga Rakyat 1997.

Sesungguhnya saya berasa amat bangga kerana telah diberi penghormatan untuk berucap di majlis ini dan berpeluang pula untuk berada bersama-sama dengan para graduan yang terlatih di Institut Latihan Perindustrian dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan.

2. Dalam kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Jabatan Tenaga Rakyat yang telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pelatih yang telah menamatkan latihan dengan jayanya. Saya percaya yakin bahawa kursus-kursus yang telah ditawarkan oleh Institut-Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah berjaya melengkapkan tuan-tuan dan puan-puan dengan pengetahuan dan kemahiran teknikal sebagai persediaan untuk menghadapi keperluan dan cabaran kerjaya masa hadapan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

3. Pengetahuan dan kemahiran tuan-tuan sangat-sangat diperlukan oleh negara. Tanpa tenaga kerja yang mahir dan terlatih tidak mungkin negara kita dapat mencapai status sebagai negara perindustrian yang maju. Oleh itu, peranan dan sumbangan tuan-tuan dan puan-puan dalam pembangunan ekonomi pada hari ini dan masa depan amatlah besar. Berasaskan maklumat unjuran masa depan ekonomi negara dalam tempoh RM Ke Tujuh (RMT), negara masih kekurangan sebanyak 119,144 pekerja teknik terlatih dalam pelbagai sektor perindustrian, manakala pada hari ini kita memerlukan sebanyak 8,732 orang. Peluang pekerjaan di pasaran yang sebegini luas wajarlah dimanfaatkan sepenuhnya. Oleh kerana teknologi berkembang dengan begitu cepat, tuan-tuan mestilah mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran masing-masing dalam pelbagai bidang teknologi baru supaya dapat tuan-tuan memanfaatkan kemajuan ekonomi sepenuhnya. Apa yang dipelajari di Institut Latihan di bawah Jabatan Tenaga Rakyat cuma memberi latihan asas yang luas bagi membolehkan para lepasan sekolah untuk menceburi dalam bidang pekerjaan mahir.

4. Kita semua sedia maklum bahawa negara kita sedang bergerak maju dengan pantas untuk mencapai tahap sebuah negara perindustrian menjelang tahun 2020. Bagi menyokong usaha-usaha ini, pembangunan sumber manusia adalah amat penting. Perkara ini juga sering ditegaskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita. Penekanan terhadap aspek kemahiran sahaja tidak cukup untuk melengkapkan seseorang pekerja. Pekerja-pekerja perlu mempunyai nilai-nilai dan sikap yang murni seperti disiplin, team work, efisien, kesedaran terhadap kualiti, produktiviti dan kreatif. Ini adalah kerana terdapat elemen-elemen kos dalam proses pengeluaran. Pekerja yang tidak komited, efisien dan tidak memberi perhatian kepada kualiti akan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai kos pengeluaran yang tinggi. Ini akan mengakibatkan struktur kos pengeluaran eksport negara tidak akan mempunyai daya saingan dan mengurangkan bahagian negara dalam pasaran global dalam keadaan saingan yang lebih hebat daripada ekonomi-ekonomi pasaran yang baru muncul dan lebih kukuh.

5. Pekerja-pekerja Malaysia harus sentiasa memberi keutamaan kepada aspek kesedaran kos dan kualiti.

Pasaran di Malaysia yang menjadi semakin sofistikated, seperti yang dapat kita lihat melalui banyaknya barangan berjenama peringkat tinggi yang diimport dari luar negara membanjiri pasaran tempatan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa pasaran tempatan mampu menjadi "testing ground" atau tapak percubaan untuk barangan keluaran tempatan yang tinggi nilai kualitinya. Jika keluaran tempatan dapat memenuhi kehendak selera pengguna Malaysia sudah pasti ia dapat bersaing di pasaran antarabangsa.

Di samping itu, jika kos pengeluarannya rendah ia akan memperkukuhkan lagi daya saingan produk Malaysia.

6. ILP dan CIAST telah membuat beberapa perubahan dalam bidang latihan untuk meningkatkan produktiviti pekerja mahir Malaysia . Usaha ini akan dipertingkatkan lagi bagi menjamin tenaga mahir Malaysia mendapat latihan kemahiran teknikal yang ulung di rantau ini.

Kepada pengajar-pengajar ILP dan CIAST, saya berharap mereka berusaha dengan gigih lagi bagi meningkatkan keupayaan kemahiran teknikal pekerja Malaysia. Saya penuh yakin dengan iltizam, ketekunan dan kegigihan yang tinggi, tuan-tuan dan puan-puan akan dapat memberi sumbangan yang positif ke arah pembangunan ekonomi negara.

7. Kerajaan akan terus memberi sokongan dan penekanan kepada Program Pembangunan Kemahiran. Kemudahan 'upgrading' sistem automasi, teknologi baru dan latihan akan diperbanyakkan. Ini akan dapat menyokong usaha peralihan ke arah industri berteknologi tinggi dan berintensifkan modal. Jabatan Perkhidmatan Awam juga telah menambah bilangan biasiswa untuk membolehkan tenaga pengajar ILP dan CIAST melanjutkan pelajaran di luar negara dalam program latihan lanjutan, peringkat sarjana dan sarjana muda. Perkembangan ini amat membanggakan dan dengan keupayaan dan daya usaha kepimpinan yang ada di Jabatan Tenaga Rakyat, tindakan proaktif untuk melengkapkan pelatih-pelatihnya dalam bidang S&T baru dapat direalisasikan. Ini seiring dengan fokus dasar pembangunan negara yang menitikberatkan pertumbuhan yang didorong oleh Produktiviti.

8. Saya juga dimaklumkan bahawa pada tahun ini sebanyak 4 kursus baru telah diperkenalkan di ILP.

Kursus-kursus tersebut ialah; Gas Pipe Fitting, Plant Electrician, Computer Aided Design dan Computer Aided Manufacturing dan Computer Maintenance. Kursus teknologi maklumat akan diperkenalkan dalam tahun 1998.

Adalah diharapkan bahawa pelatih-pelatih bidang ini akan dapat membantu dalam memenuhi permintaan terhadap tenaga kerja mahir negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

9. Usaha telah juga diambil untuk menambah peralatan di semua ILP untuk tujuan meningkatkan tahap dan mutu latihan supaya ianya sejajar dengan perkembangan teknologi industri. Bagi memastikan bahawa kursus- kursus tersebut adalah relevant, beberapa Jawatankuasa Penasihat ditubuhkan di semua ILP, dan dianggotai oleh pihak majikan dan industri. Di samping itu, kajian yang dikenali sebagai "Kajian Mengesan" juga turut diadakan. Dalam kajian ini, pandangan bekas pelatih ditinjau untuk mengetahui sama ada kursus yang dihadiri itu relevant dan sesuai atau sebaliknya. Maklumat ini juga akan diambilkira untuk kemaskinikan kursus-kursus latihan untuk memenuhi keperluan semasa dan akan datang.

10. Bagi mengakhiri ucapan, saya sekali lagi mengucapkan syabas kepada pelatih yang berhimpun pada petang ini yang telah berjaya menamatkan latihan dan sudah pun bekerja. Moga tuan-tuan dan puan-puan akan memajukan kerjaya masing-masing dengan mengambil peluang mengikuti latihan-latihan di peringkat yang lebih tinggi. Kepada ibubapa, saya mengucapkan terima kasih kerana telah membuat keputusan yang baik menggalakkan anak-anak tuan-tuan dan puan-puan mengikuti kursus teknikal di Institut-Institut Latihan Perindustrian, Jabatan Tenaga Rakyat.